

Logo sekolah

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1
2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A
[30 markah]
Soalan ini mesti dijawab.

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan **budaya membaca**.

Berdasarkan maklumat tersebut, tulis syarahan bertajuk '**Kepentingan Budaya Membaca kepada Murid**' sempena Bulan Membaca di sekolah anda.

Panjangnya syarahan anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

BUKU FIKSYEN

Merupakan karya sastera yang diterbitkan daripada rekaan atau khayalan seseorang pengarang.
Contoh: cerita misteri, cerita legenda, cerita binatang, cerita rakyat, cerita dongeng dan cerita teladan.

BAHAN BUKAN FIKSYEN

Khas untuk mencari maklumat tentang sesuatu perkara (fakta, peristiwa dan berita)
Contoh: (buku rujukan am dan buku rujukan khas)

BAHAN BERCETAK

Buku skrap, buletin, poster, carta, rencana, laporan, cerpen, komik, majalah, risalah, brosur, artikel, peta, katalog dan manual pengguna

BAHAN BUKAN CETAK

Video klip berinformasi dan cakera padat perisian pembelajaran

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Amalan menabung ialah amalan menyimpan wang yang diperoleh. Wang ini disimpan di tempat yang selamat seperti di bank atau dalam bentuk saham. Sebagai langkah awal, kerajaan perlulah mengadakan satu kempen kesedaran yang efektif tentang amalan menabung. Selain itu, ibu bapa perlu memainkan peranan mereka dengan memberikan teladan yang sewajarnya. Di samping itu, pihak bank juga boleh mewujudkan pelbagai pakej simpanan dengan pulangan yang menguntungkan. Sememangnya menyimpan wang itu satu amalan murni kerana sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada

<http://kingoftheworldalbert.blogspot.com/2013/02/>

Petikan di atas menyatakan bahawa terdapat peranan pelbagai pihak untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak-anak.

Bincangkan.

2

PETALING JAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan kadar obesiti negara ini adalah tertinggi di Asia Tenggara iaitu sebanyak 15.6 peratus. Menurut KKM, jumlah itu mengatasi negara Brunei yang mencatatkan 14.1 peratus, diikuti Thailand 10 peratus dan Indonesia sebanyak 6.9 peratus. Berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan pada tahun 2019, kira-kira 50.1 peratus rakyat negara ini mempunyai masalah berat badan berlebihan. Oleh itu, rakyat Malaysia disarankan melakukan gaya hidup sihat dengan mengamalkan pemakanan yang seimbang, melaksanakan aktiviti riadah dan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Sumber : Ahmad Shaherman Shamsuri

<https://www.kosmo.com.my>

24 Januari 2022

Berita di atas memaparkan bahawa kadar obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia semakin membimbangkan. Rakyat Malaysia digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup sihat untuk menangani masalah obesiti daripada berlarutan.

Tulis sebuah rencana tentang cara-cara mengamalkan gaya hidup sihat.

3

Sektor pertanian ialah sektor yang mengeluarkan makanan dan barangan melalui penanaman secara kecil-kecilan, perladangan, penternakan, perikanan dan perhutanan. Namun begitu, berlaku kekurangan tenaga buruh yang mendesak menyebabkan ramai pekerja asing dibawa masuk. Antara tahun 2001 hingga 2003 sahaja dilaporkan terdapat seramai 19,343 buruh asing tambahan telah diambil bekerja dalam sektor pertanian. Lebih parah lagi, petani asal yang tinggal adalah terdiri daripada petani yang sudah tua dan uzur. Berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada tahun 2002 hingga 2003, terdapat 39 peratus daripada petani yang ditemu bual berumur lebih dari 55 tahun.

Sumber : *Diubah suai daripada Laman Blog Anim Agro Technology*
pada 24 Januari 2021

Pada pendapat anda, selain masalah di atas, apakah masalah-masalah lain untuk memajukan sektor pertanian di Malaysia?

4

Kerajaan Kelantan mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah RM11 juta di bawah Belanjawan 2022 bagi membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berkata, peruntukan tambahan itu membabitkan bantuan kepada nelayan berjumlah RM1.5 juta, usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebanyak RM4.5 juta dan bagi menyelesaikan masalah air jangka pendek berjumlah RM5 juta.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian, 20 Julai 2022

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa terdapat pelbagai peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam membantu Industri Kecil dan Sederhana di negara kita.

Jelaskan kepentingan-kepentingan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada rakyat dan negara.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT